



MEMO
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PEROLEHAN
IBU PEJABAT PENJARA MALAYSIA

Kepada : Ketua Unit Teknikal Risiko dan Siasatan

Daripada : Penolong Pengarah Kanan (Perolehan)

Salinan : Komisioner Jeneral Penjara
Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Keselamatan & Koreksional)
Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Pengurusan)

Rujukan : PRIDE.BDP(S).400-5/6/195 (11)

Tarikh : 3 Februari 2026

Perkara : **TAKLIMAT BAGI SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN DAN PEMBAIKAN BAGI
SISTEM KUMPULAN WANG HADIAH PEGAWAI PENJARA
(E-KWHPP) JABATAN PENJARA MALAYSIA
NO. KONTRAK : SJP 24(A)/2025**

Tuan,

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian ini sedang menjalankan proses perolehan bagi **Sebut Harga Perkhidmatan Penyelenggaraan Pencegahan Dan Pembaikan Bagi Sistem Kumpulan Wang Hadiah Pegawai Penjara (e-KWHPP) Jabatan Penjara Malaysia.**

3. Oleh yang demikian, satu sesi taklimat akan diadakan kepada kontraktor yang berminat untuk menyertai tender ini bagi memberi penerangan berkaitan spesifikasi dan proses permohonan tender. Maklumat berkenaan tarikh, masa dan tempat adalah seperti berikut:

Tarikh : 04 Februari 2026 (Rabu)
Masa : 9.30 Pagi hingga 1.00 Petang
Tempat : Auditorium, Ibu Pejabat Penjara Malaysia
Jalan Kajang – Semenyih Bypass
43000 Kajang, Selangor

4. Sehubungan itu, kerjasama pihak tuan dimohon untuk membenarkan Jawatankuasa Spesifikasi yang telah dilantik untuk memberi taklimat dan penerangan berkaitan skop perkhidmatan sewaktu sesi taklimat tersebut. Segala kerjasama dan keprihatinan tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.


(ROSLI BIN KHAIRUDDIN)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PEROLEHAN

ATURCARA TAKLIMAT

**TAKLIMAT BAGI SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN
PENCEGAHAN DAN PEMBAIKAN BAGI SISTEM KUMPULAN WANG HADIAH PEGAWAI
PENJARA (E-KWHPP) JABATAN PENJARA MALAYSIA
(SJP 24(A)/2025)**

Tarikh : 04 Februari 2026 (Rabu)
Masa : 9.30 Pagi – 1.00 Petang
Tempat : Auditorium, Ibu Pejabat Penjara Malaysia
Jalan Kajang – Semenyih Bypass
43000 Kajang, Selangor

MASA	ATURCARA
9.30 Pagi	Sesi Pendaftaran
10.00 Pagi	Sesi Taklimat Sebut Harga Perkhidmatan Penyelenggaraan Pencegahan Dan Pembaikan Bagi Sistem Kumpulan Wang Hadiah Pegawai Penjara (e-KWHPP) Jabatan Penjara Malaysia
01.00 Petang	Bersurai